

03 JUL 2001

UM-Tabung

UNIVERSITI MALAYA LANCAR TABUNG BINA SEMULA DEWAN TUNKU CANSOLOR

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Universiti Malaya (UM) hari ini melancarkan Tabung Pembinaan Semula Dewan Tunku Canselor untuk mengumpul sumbangan orang ramai bagi membaiki semula bangunan dewan yang terbakar awal pagi Jumaat lepas.

Tabung itu dilancarkan Naib Canselor UM Prof Datuk Dr Anuar Zaini Mohamed Zain di hadapan bangunan DTC dengan dihadiri kira-kira 2,000 kakitangan dan pelajar UM.

Pada Sabtu, sehari selepas kebakaran itu, akhbar New Straits Times telah menubuhkan Tabung Pemulihan DTC yang mendapat sambutan segera pelajar dan orang ramai termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyumbang RM600 kepada tabung itu.

Dr Anuar Zaini dalam ucapannya pada majlis pelancaran tabung di UM itu berkata kemusnahan DTC sebagai mercu tanda sejarah UM dan negara, memberi kesan mendalam kepada warga kampus itu.

"Penubuhan tabung ini adalah atas rasa penuh tanggungjawab dan daya usaha warga kampus yang terdiri daripada staf dan pelajar serta kerabat alumni universiti.

"Kemusnahan Dewan Tunku Canselor adalah satu halangan yang harus kita atasi bersama... saya yakin melalui pemuafakatan yang telus dan sokongan padu, Universiti Malaya akan dapat membina semula dewan ini," katanya.

DTC terbakar pada pukul 3.45 pagi Jumaat lepas dan memusnahkan sebahagian besar dewan berkenaan termasuk 1,800 jubah akademik bagi majlis konvokesyen dan kerugian dianggarkan RM12.4 juta.

Orang ramai boleh memberikan sumbangan kepada Tabung Pembinaan Semula Dewan Tunku Canselor, UM itu di alamat Jabatan Perancangan Korporat Canseleri, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur atau telefon 03-79673378/3451/3479/3273/3423 dan 3575 atau Persatuan Alumni UM di talian 03-79551061.

Pada majlis itu, warga kampus yang hadir, turut berikrar menyatakan sokongan kepada pentadbiran UM dan Dr Anuar Zaini serta meminta pihak lain tidak campur tangan dalam pentadbiran universiti.

Berikutan kebakaran itu, konvokesyen UM yang dijadual bulan depan, ditangguhkan sehingga Oktober dan tempatnya akan diadakan di luar kampus, antara yang dicadangkan ialah Stadium Putra di Bukit Jalil dan Stadium Malawati, Shah Alam.

Bercakap pada sidang media kemudian, Dr Anuar Zaini berkata walaupun Tabung Pemulihan Dewan Tunku Canselor NST dilancarkan, namun pelajar dan kakitangan UM juga mempunyai semangat sendiri melancarkan kutipan membina semula dewan.

"Tetapi matlamat kita tetap sama," katanya yang tidak mengumumkan sasaran kutipan tabung itu tetapi berhasrat mahu mengumpul sebanyak yang boleh.

Katanya kos pembinaan semula DTC yang akan dilengkapkan dengan kemudahan moden, dijangka melebihi RM13 juta.

Menurut beliau, walaupun DTC akan dijadikan pusat kebudayaan dan mengumpul bahan sejarah UM dan negara selepas sebuah dewan baru dibina di universiti itu, bangunan DTC tetap perlu diperbaiki dan digunakan untuk tujuan lain termasuk persidangan dan persembahan.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata semalam bahawa sebuah dewan yang lebih besar untuk memmuatkan 6,000 orang akan dibina di UM dalam Rancangan Malaysia Kelapan berbanding DTC yang hanya boleh menampung 3,000

orang pada satu masa.

Menurut Musa, perbincangan membina dewan itu telah diadakan tetapi mungkin boleh dipercepatkan setelah berlakunya kebakaran DTC. Dr Anuar Zaini bagaimanapun berkata pembinaan semula DTC hanya akan bermula apabila selesai segala siasatan pihak berkuasa serta urusan guaman dan insurans.

-- BERNAMA
RZS AHH RON